

SURAT PEKELILING K.P.U.NO 11/1972
Aliran Kuasa Letrik dan Benda-Benda Lain Yang Merbahaya

Semua pengukur-pengukur dan pekerja-pekerja kerjaluar hendaklah diberitahu semula bahawa mereka hendaklah bercermat apabila menjalankan tugas dekat atau pun di atas atau pun di bawah aliran kuasa letrik (electric transmission lines) dan benda-benda lain yang merbahaya.

2. Oleh kerana rantai-rantai kita diperbuat daripada logam maka mereka hendaklah sentiasa berjaga-jaga supaya mengelakkan rantai-rantai mereka bukan saja terkena bahkan melalui dekat dengan kuasa letrik. Di kawasan yang mana tiang- tiang dan dawai-dawai letrik telah didirikan secara sementara sahaja, umpamanya di setengah-setengah kawasan lombong, mereka hendaklah berjaga-jaga juga supaya menjauhkan diri dan alat-alat mereka daripada tiang-tiang dan dawai-dawai letrik tersebut. Jika musykil tentang berapa jauh jaraknya mereka boleh berada, mereka bolehlah berhubung dengan pihak Lembaga Letrik Negara untuk mendapat nasihat.
3. Semua pengukur-pengukur dan pekerja-pekerja kerjaluar hendaklah memberi surat akuan bahawa mereka telah faham isi kandungan surat pekeliling ini.

KOK SWEE TUCK
b.p. Ketua Pengarah Ukur,
Malaysia Barat.

Tarikh: 15hb.Mei,1972.